

Jenis Akhbar : Sinar Harian Online  
Tarikh : 12/05/2023  
Edisi / Muka Surat : <https://www.sinarharian.com.my/>  
Tajuk : ANGKASA kekal kukuh sebagai gergasi Apeks gerakan koperasi

## Angkasa kekal kukuh sebagai gergasi Apeks gerakan koperasi



Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) meneruskan komitmen memacu pertumbuhan dan kemajuan gerakan koperasi agar sentiasa berinovasi dan relevan seiring dengan keperluan anggota dan rakyat.

Penawaran produk dan perkhidmatan yang sesuai dengan kehendak pasaran merupakan fokus utama bagi meningkatkan daya saing gerakan koperasi supaya sentiasa berperanan menjadi jentera berkesan membangunkan taraf hidup anggota, membantu meningkatkan kesaksamaan pengagihan ekonomi dan menyumbang kepada kesejahteraan sosioekonomi negara.

Presidennya yang juga Presiden ASEAN Co-operative Organization (ACO), Datuk Seri Dr Abdul Fattah Abdullah berkata, pelbagai strategi telah diimplementasikan oleh Angkasa melalui penubuhan Lapan Sektor Pembangunan Perniagaan Koperasi, Program Pemeraksanaan Koperasi (CEP), program peruncitan untuk mengurangkan beban kos sara hidup di bawah Projek Barang Asas 100 (BA100) dan digitalisasi perniagaan koperasi.

Menurutnya, strategi yang dijalankan oleh Angkasa bersamasama koperasi membuktikan gerakan itu mampu untuk mendepani cabaran dan kekal teguh memberi perkhidmatan terbaik kepada anggota dan masyarakat.

“Ini terbukti apabila perolehan gerakan koperasi kian memulih biarpun terkesan dengan sekatan pandemik Covid-19 yang bermula pada tahun 2019. Perolehan koperasi pada 2020 menguncup kepada RM41.45 bilion dan RM37.9 bilion pada 2021 berbanding RM45.8 bilion pada 2019.

“Perolehan gerakan ini melonjak semula kepada RM45.5 bilion pada tahun 2022. Saya yakin, gerakan koperasi berupaya mencapai perolehan RM100 bilion pada 2030 seperti yang disasarkan oleh kerajaan menerusi Dasar Keusahawanan Nasional (DKN) 2030 sekiranya momentum ini dapat diteruskan,” katanya dalam satu temu bual bersama Sinar Harian, baru-baru ini.